

# Renunglah!

## Udara Baru Di Zaman Merdeka

Oleh Alimin

### Zaman Perlumbaan:

Dalam abad kedua puluh ini memanglah suatu zaman perlumbaan yang amat pantas dan hebat oleh orang-orang di setiap golongan masyarakat di dunia ini yaitu untuk mencipta, melahir dan mengejar kemajuan masing-masing guna kepentingan mereka, masyarakat bangsa dan negaranya.

Manakala dilihat dari sejarah perkembangannya alam ini, hal yang demikian bukanlah suatu yang baru, tetapi telah menjadi “tenaga perjuangan” mereka sejak manusia mengenal tamadun. Mereka berjuang terus laksana titisan air dalam segenap bidang dan segi. Dan dengan itulah pula dapat dikenali umum peri nilai kebudayaan-kebudayaan sesuatu bangsa itu.

Di dalam pergolakan alam tersebut, menurut sejarahnya, kita bangsa Melayu juga adalah turut sama berjuang guna keutuhan dan keunggulan bangsanya dari zaman ke zaman, walaupun ia pernah dilamun badai dan alun gelombang yang tinggi mengggunung, namun biduk Melayu belum karam lagi selama ini.

### Sirih Naik – Junjungnya Patah ?

Sebagai suatu bangsa yang pernah malang, kita umat Melayu telah diinjak-injak oleh penjajahan selama

hampir 500 tahun. Walaupun demikian dahsyatnya, *al-hamduli ‘Lah* dengan pertolongan Ilahi dan berkat kekuatan keperibadian serta kebudayaan kita yang sejati dan luhur itu kita telah merdeka kembali seperti mana sekarang ini, dan hendaknya taraf serta nilai kita sebagai suatu bangsa di dunia ini tidak akan ternoda lagi dalam sepanjang masa.

Sungguhpun begitu besarnya hasrat dan harapan kita tetapi pada masa akhir-akhir ini nampaknya suatu “*order* baharu” atau lebih senang disebut “angkatan baru” dalam kebudayaan telah tumbuh di tengah-tengah masyarakat kita di tanah air – Malaysia – oleh segolongan para pemuda dan pemudi anak-anak masyarakat kita sendiri yang sikap, telatah dan lagaknya sangatlah memberikan jiwa kita merasa gelisah. Pertumbuhan tersebut nampaknya kini kian berkembang dengan mendapat sambutan hangat dari beberapa golongan dalam masyarakat.

Apakah cara yang demikian dapat dianggap suatu kemajuan ... ?

Suatu yang menguntungkan masyarakat bangsa dan negara kita sekarang... ?

Atau hanya mengakibatkan sebagai kata pepatah; “**sirih naik, tetapi junjungnya patah!**”

### Di Bidang Kesenian:

Di tanah air kita hari ini, dalam bidang kesenian telah wujud beratus-ratus pasukan pancaragam rancak dalam alunan dinamakan “pop Melayu” yang dari namanya berbagai-bagai nama oleh para pemuda dan pemudi kita. Para artisnya yang menjadi ahlinya adalah berpotongan ala barat – *cowboy* dan *playboy* – belaka. Yang lelaki berambut panjang dan yang perempuan berambut pendek. Pakaian mereka itu pula adalah serba ketat, sendat, dan terbuka. Boleh dikatakan keseluruhan badan mereka itu terdedah, tergambar dan terbayang semuanya. Nada-nada lagunya dan nyanyianya rancak, kencang-kencang dan tegang-tegang belaka. Dan begitulah pula dalam tarian-tariannya. Lembut manis dan lemah gemulai sebagai kesenian Melayu jati – kesenian yang telah basi? – Nampaknya tidak sesuai dengannya. Inilah kesenian *modern*, kesenian yang berbentuk baru, atau kesenian dalam “*order* baru” itu tadi.

Dalam seni, kata-kata yang dinyanyikan dan yang didendangkan oleh mereka pula, bolehlah dikatakan 99 peratus dalam lingkungan “berasmara” belaka, sedang nama-nama lagunya pun sungguh baru; yatu “Cincin Emas” – “Jandaku” – “Bibir manis, jiwa parah” dan bermacam-macam lagi. Yang lebih menarik hati ialah; setengah-setengah para seniwatinya itu berpakaian, pada seluar sendatnya itu dinamakan “*jeans*”. Seluar begini kainnya naik, dari betis sampai ke punggung terus ketat dan sendat. Yang mana agak kurus orang yang memakainya itu jelaslah nampak kompong dan memanjang sahaja, dan yang agak berisi badannya terbayanglah pula bulat dan padatnya itu.

## Renunglah!

Padan jugalah dalam “zaman pop” ini “jin ifrit” sudah tidak pernah menjelma lagi, sudah keluar, sebab seluarnya sudah hilang. Seluar “*jeans*” sudah dipakai oleh seniwati “pop Melayu” nampaknya!

### Di Bidang Sastera:

Di dalam bidang kesusasteraan kita pula sekarang, telah banyak terdapat para pengikut seni kata dalam lagu-lagu popnya hanya mereka menitik-beratkan dalam alunan asmara sahaja. Telah beratus-ratus macam seni kata-seni kata yang dituliskan untuk lagu-lagu kebanyakan sekali berkisar dalam soal “kasih – sayang”.

Apakah kita ini tidak perlukan yang lain-lain pula ...? Dan apakah makanan rohani kita hanya dendang asmara ...? Juga apakah masyarakat kita harus digembeling menjadi sebuah “masyarakat asmara”...? Hal ini seharusnya dipertimbangkan sama.

Sebahagian dari para penyair, para sasterawan pula, apakala mereka menulis, sering didapati – yang saya maksudkan penyair-penyair dan sasterawan Melayu, yang menulis untuk jadi bacaan orang-orang yang sebangsa dengannya yaitu Melayu – para cerdik pandai ini telah memuatkan bulat-bulat bahasa asing di dalam tulisannya itu. Sedang tempat mereka tuliskan di dalam akhbar-akhbar atau majalah Melayu, juga untuk bacaan orang-orang yang sebangsa dengannya. Pada hal perkataan dalam bahasa asing yang dituliskan itu setengah-setengahnya ada terjemahannya atau istilah baginya dalam bahasa Melayu, juga mereka boleh mengistilahkan atau

menterjemahkan ke bahasa Melayu. Mereka tentulah tahu, bahawa orang-orang kita Melayu tidak semuanya pandai berbahasa asing itu. Jadi apakah gunanya tulisan dalam bahasa asing itu dituliskan pada halnya sebahagian besar pembacanya tak dapat mengerti akan maksudnya itu. Entahlah kalau ada pula niat yang lain oleh si penulis itu maka ianya berbuat demikian itu.

### Di Bidang Adat Resam:

Mengenai bidang adat resam pula, bagi kita orang-orang Melayu pada masa ini nampaknya telah ada segolongan yang membawa masuk adat luar ke dalam lingkungan adat resam kita yang ada itu sebagai satu tambahan cara baru agaknya. Misalnya: Apakah tersarung saja sebentar cincin ke jari tanda “pertunangan” si pemuda boleh bawa si pemudi tunangnya itu berjalan-jalan malam ke panggung wayang, ke kebun bunga atau ke tepi-tepi laut dan balik larut-larut malam.

Di dalam majlis-majlis persandingan mempelai dengan pengantin pula sering kali juga diadakan istiadat memotong kuih yang diperbuat khas untuk itu, begitulah pula dalam istiadat menyambut hari lahir, pasti ada acara meniup lilin. Cuma nampaknya yang belum pernah dilakukan ialah; cium pipi dan kucup bibir “tanda mesra”. Entahlah kalau 10 atau 15 tahun akan datang nanti.

### Di Bidang Pakaian:

Dalam cara berpakaian pula sebahagian besar dari orang-orang kita Melayu sudah tidak nampak perbezaannya dengan orang-orang asing yang bukan Islam, terutamanya para pemuda dan pemudi. Telah ada yang pernah melakukan; baru

seminggu lepas menjadi mempelai dan pengantin, si wanitanya berpakaian serba singkat dan ketat, terdedah dan terbuka pergi berziarah ke rumah mertuanya. Si lelakinya pula juga demikian dengan seluar *yankeenya* berbelah di kaki, berkemeja “*sport*” yang pendek padat, dan dengan suak rambut yang tertolak ke depan. Beg tangan dan peti radio kecil mereka tak lupa membawanya, cuma yang mereka lupa agaknya ialah tudung kepala dan songkok hitam, kerana tak ada kelihatan di kepala mereka. Tetapi kerana mereka berdua itu masih muda-muda belaka, juga baru sahaja turun dari pelamin, jadi kacak dan cantiklah dipandang mata,

### Di Bidang Pergaulan:

Mengenai tentang pergaulan pula nampaknya juga demikian, yaitu telah ada segolongan orang-orang kita Melayu yang telah melakukan pergaulannya – bersosial – dengan cara lebih bebas dari batas-batas susila kemelayuan dan keislaman. Yang lebih nekad melakukannya nampaknya ialah para pemuda dan pemudi juga. Mereka setengahnya telah tidak segan-segan berjalan bergandingan bahu dengan teman wanitanya - *girl friendnya* – atau wanita berpimpin tangan dengan teman lelakinya *boy friendnya* – dalam keadaan penuh riang dan gembira lakunya. Hal seperti ini ialah mengikut peredaran masa kononnya – zaman serba maju atau *modern*; kata mereka – pada hal temannya itu bukannya isterinya atau suaminya dan bukannya juga muhrimnya ada pula mereka setengahnya berjalan bersama-sama begitu datang dari arah gelap ke tempat terang, dan ada pula yang

## Renunglah!

di tempat terang menuju ke tempat gelap jika pada waktu malam. Yang lebih mengembirakan lagi pada mereka nampaknya ialah duduk-duduk di pangkal kayu atau di tembok-tembok batu dan berbaring-baring

di atas rumput sambal bersenda gurauan.

Perihal yang disebutkan ini bukannya diada-adakan, dan hanyalah sebahagian saja, juga telah lumrah berlaku dalam negara kita sekarang. Siapa pun dapat melihat asal mahu saja menyaksikannya.

Inilah sikap, lagak dan telatahnya pertumbuhan angkatan baru atau “order baru” dalam kebudayaan kita di tanah air, dan hal ini andainya telah kembang bak payung menaungi alam kita, maka rasanya ia mungkin akan memberikan suatu gejala yang kurang sihat kepada masyarakat, bangsa Melayu dan tanah air.



Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Idris – Penaung Jamiyah al-Da‘wah al-Islāmiyah Selangor – sedang berucap di dalam mesyuarat agung Jamiyah yang telah diadakan pada 2 haribulan Jun 1968 yang lalu.

sudah siap!

*Siri Kesah*

*Tokoh2 Sejarah I*

## RUPA YANG BUROK

*Di-padankan dari che-  
rita2 Sejarah Islam*

*Didek-lah jiwa kanak2  
dengan menggalakkan  
membacha buku2 se-  
jarah ringkas Islam.*

*Di-jalin dengan baha-  
sa yang mudah dan le-  
kas di-fahami oleh  
kanak2. Serta di-hiasi  
dengan gambar2 lukisan  
yang menarik.*

*Sa-buah 40 sen.*

*Pos 10 sen.*

*Pesan-lah kepada:*

*QALAM*

*8247 Jalan 225,*

*Petaling Jaya,*

*Selangor.*